

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA  
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

Kementerian/Jabatan :


**Majlis Perbandaran Kuala Kangsar  
Wisma MPKK Jalan Sultan Nazrin Shah  
33000 Kuala Kangsar  
Perak Darul Ridzuan**

**CADANGAN PELUPUSAN KENDERAAN MILIK MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR  
(ADF 7189)**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset terpakai MPKK seperti berikut :-

BIL	NO. SEBUTHARGA	KETERANGAN ASET	NO. FAIL / NO SEBUTHARGA	NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN	KUANTITI	HARGA SIMPANAN
1.	SH(P)2/2026	PROTON WIRA 1.5GL	MPKK 4/154/1 JLD.4	ADF 7189	1	2,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **22 JUN 2026 (ISNIN)** hingga **6 JULAI 2026 (ISNIN)** di antara jam 10 pagi hingga 1.00 petang (hari bekerja) di tempat simpanan kenderaan di **Dewan Jubli, MPKK**. Pegawai yang boleh dihubungi, Encik Muhammad Azmir Syazuwan bin Mohd Johari (012-5833472) dan Puan Sharifah Nurfarizan binti Bahari (016-5384971). Lawatan tapak adalah digalakkan.
3. Borang sebut harga dijual pada **22 JUN 2026 (ISNIN)** hingga **6 JULAI 2026 (ISNIN)** jam 11.00 pagi dengan harga jualan **RM20.00** setiap satu. Tarikh tutup sebut harga adalah pada **7 JULAI 2026 (SELASA)** jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Pembelian dokumen sebutharga (Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28)) dengan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar boleh di beli secara bayaran tunai di Kaunter Hasil MPKK dan melalui kaedah bayaran atas talian ke akaun **Maybank (0080923046262)** dan perlu memasukkan perkataan **PELUPUSAN ADF 7189** di bahagian rujukan. Resit bayaran perlu di emel ke [kewangan@mpkkpk.gov.my](mailto:kewangan@mpkkpk.gov.my) (**Untuk Perhatian Unit Aset**). Dokumen sebut harga akan dihantar melalui emel setelah pembayaran disahkan. Bayaran pembelian dokumen tidak akan dikembalikan. Proses pembelian dokumen sebut harga dan memuat turun dokumen akan ditutup **pada 6 JULAI 2026 (ISNIN), JAM 12.00 TENGAH HARI**.
5. Tarikh tutup sebut harga adalah pada **6 JULAI 2026 (ISNIN)** jam 12.00 tengahari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
6. Dokumen sebut harga hanya dijual kepada syarikat dengan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia serta masih sah lakunya, 60 hari dari tarikh mula iklan.
7. Penyebut harga mestilah **tiada** sebarang tunggakan (Cukai taksiran, kompaun, sewaan dan pelbagai tunggakan lain) dengan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar. Sekiranya penyebut harga mempunyai tunggakan, pembayaran boleh dibuat di kaunter hasil MPKK atau secara atas talian. Diingatkan bayaran secara atas talian hanya akan diproses dalam tempoh 1-3 hari bekerja.
8. Semua dokumen sebut harga mestilah dikemukan dalam sampul surat berlakri, ditulis tajuk dan nombor sebut harga berkenaan di penjuru kiri hadapan serta dialamatkan kepada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, Jalan Sultan Nazrin Shah, 33000 Kuala Kangsar dan dimasukkan ke dalam Peti Tender/Sebut Harga di Tingkat 2, Jabatan Perbendaharaan MPKK.
9. Majlis Perbandaran Kuala Kangsar **tidak terikat** untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen sebut harga yang tidak terdapat di dalam Peti Tender/Sebut Harga setelah Peti Tender/Sebut Harga dibuka.
10. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar adalah **muktamad**. Sebarang rayuan atau surat menyurat adalah **tidak dilayan**.

(Dr.   
SAKDUDDIN BIN ZAMLI)  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar

Tarikh : 19 JUN 2026

## SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Kiriman Wang atau Draf Bank sahaja atas nama **MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR**.
3. Tawaran tanpa/kurang, deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan dan ditolak.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaan semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak beretanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya, dipohon untuk membuat pembayaran penuh serta mengambil aset dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan Surat Setuju Terima. Jika gagal dalam tempoh tersebut deposit/bayaran penuh sebut harga tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
8. Bagi penyebut harga yang tidak berjaya, wang deposit akan dikembalikan setelah keputusan sebut harga diperolehi dan tuntutan boleh dibuat di Jabatan Perbendaharaan MPKK.
9. Semua logo dan tanda jabatan (sekiranya ada) pada aset mestilah diadamkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh aset itu diambil oleh pembeli.

Nota : Syarat-syarat sebut harga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan.

